



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**4 FEBRUARI 2022**


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 909 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 250,440 kes. Sebanyak dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di daerah Sandakan dan Tuaran. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 388 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 240,380 orang. Manakala 1,052 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 535 orang di hospital, 511 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan enam (6) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 23 orang merangkumi 18 di ICU/repurposed kritikal care serta lima (5) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan lima (5) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 14 (20.00%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beluran berubah dari zon kuning ke zon jingga manakala Kudat, Kunak, Kinabatangan dan Semporna bertukar dari zon jingga ke zon merah.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Hijau satu (1) daerah.
- Zon Kuning tiga (3) daerah.
- Zon Jingga empat (4) daerah.
- Zon Merah 19 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah mencatatkan peningkatan kes baharu hampir dua kali ganda hari ini iaitu 909 kes, naik sebanyak 433 kes berbanding semalam. Kali terakhir Sabah mencatatkan kes di atas paras 900 kes ialah pada 30 September 2021, kira-kira 4 bulan lepas.
- b. Terdapat tiga (3) daerah mencatatkan kes tiga (3) angka hari ini. Daerah Sandakan mencatatkan angka tertinggi dengan 185 kes (+92), diikuti oleh Penampang dengan 115 kes (+44) dan Kota Kinabalu 101 kes (+24). Jangkitan yang berpunca daripada Kes Bergejala di ketiga-tiga daerah ini juga tinggi iaitu Sandakan 37.84% (70 kes), Penampang 33.04% (38 kes) dan Kota Kinabalu 55.45% (56 kes).
- c. Jumlah daerah dengan kes dua (2) angka ialah 16 daerah berbanding 12 daerah sahaja kelmarin. Antaranya Tuaran 86 kes (+42), Lahad Datu 57 kes (+40), Beaufort 57 kes (+39), Kota Marudu 53 kes (+37) dan Papar 36 kes (+27). Hanya empat (4) daerah mencatatkan kes satu (1) angka dan empat (4) daerah lagi tidak mencatatkan sebarang kes baru. Hampir seluruh daerah di Sabah mencatatkan peningkatan kes dengan 10 daripadanya mencatatkan peningkatan pada kadar dua (2) angka.
- d. Sebanyak 89 kes datang daripada sembilan (9) Kluster aktif termasuk empat (4) Kluster baharu yang diumumkan hari ini. Kesemua kluster baharu hari ini adalah kategori kluster institusi pendidikan.

- e. Satu (1) kluster baharu diisyiharkan di Sandakan yang melibatkan sekolah MRSM Tun Mohammad Fuad Stephens, Kluster Sungai Batang Batu Sepuluh. Indeks kes pertama kluster ini telah dikesan melalui saringan bergejala pada 25 Januari 2022. Kes indeks merupakan seorang pelajar perempuan berumur 16 tahun dan mula menunjukkan gejala demam pada 25 Januari 2022. Saringan terhadap kontak rapat mendapati 49 lagi kes positif terdiri daripada pelajar asrama, pelajar harian, guru dan kontak keluarga menjadikan jumlah kumulatif seramai 50 orang. Semua mereka yang positif telah adalah dalam Kategori 1 dan 2 (bergejala ringan), diasingkan dan diberikan rawatan yang selanjutnya.
- f. Kluster Jalan Tandek adalah kluster baharu yang melibatkan SMK Tandek 1 di daerah Kota Marudu. Indeks kes merupakan seorang lelaki warganegara 15 tahun dan merupakan pelajar asrama di sekolah tersebut. Kes mula bergejala pada 15 Januari 2022 dan menjalankan saringan pada 17 Januari 2022 dan didapati positif RTK Antigen. Saringan terhadap rakan seasrama dan sekelas mendapati seramai 34 lagi kes positif menjadikan jumlah kumulatif kes sebanyak 35 orang. Semua mereka berada dalam Kategori 1 dan 2 (bergejala ringan), telah diasingkan dan diberi rawatan selanjutnya.
- g. Kluster Jalan Taman Beringin di daerah Kota Marudu melibatkan SMK Bandau. Indeks kes merupakan seorang warganegara 17 tahun dan juga pelajar wanita yang menjalani saringan COVID-19 pada 19 Januari 2022 sebelum menjalankan pemeriksaan di Hospital Queen Elizabeth 2. Saringan PCR mengesahkan pelajar tersebut positif. Seterusnya saringan keatas kontak rapat mendapati 24 orang lagi didapati positif. Mereka terdiri daripada pelajar asrama, pelajar harian dan kakitangan sekolah. Semua mereka adalah dalam Kategori 1 dan 2 (bergejala ringan), telah diasingkan dan diberikan rawatan yang selanjutnya.

- h. Kluster Jalan Pendidikan Ranau pula adalah kluster yang melibatkan SMK Mat Salleh, Ranau. Indeks kes adalah seorang lelaki 19 tahun dan merupakan seorang pelajar Tingkatan 6 di sekolah tersebut. Indeks kes mula bergejala pada 29 Januari 2022 dan telah melakukan ujian saringan kendiri dan didapati positif. Sekolah dimaklumkan pada hari yang sama dan pelajar itu terus dikuarantin. Saringan pada 31 Januari 2022 mengesahkan pelajar itu positif. Saringan terhadap rakan sebilik, seasrama serta rakan sekelas mendapat 24 orang lagi positif dan menjadikan jumlah kumulatif kes positif sehingga 4 Januari 2022 seramai 25 orang. Kesemua pesakit dikategorikan dalam Kategori 1 dan 2 (gejala ringan), telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya.
- i. Sejumlah 900 daripada 909 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2. Terdapat lima (5) kes dalam Kategori 3, tiga (3) kes dalam Kategori 4 dan satu (1) kes dalam Kategori 5.
- j. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (432) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

## ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	89	9.79%
2	Kontak	432	47.52%
3	Bergejala	350	38.50%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	38	4.18%
<b>JUMLAH</b>		<b>909</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (3 Februari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 3/02/2022	Catatan Kes 4/02/2022	Perbandingan
1	Sandakan	93	185	+92
2	Penampang	71	115	+44
3	Tuaran	44	86	+42
4	Lahad Datu	17	57	+40
5	Beaufort	18	57	+39
6	Kota Marudu	16	53	+37
7	Papar	9	36	+27
8	Kota Kinabalu	77	101	+24
3	Kuala Penyu	1	24	+23
10	Beluran	1	16	+15
11	Putatan	13	22	+9
12	Kinabatangan	7	16	+9
13	Tambunan	1	10	+9
14	Ranau	22	30	+8
15	Kudat	4	11	+7
16	Sipitang	0	5	+5
17	Kunak	6	9	+3
18	Tenom	3	6	+3
19	Keningau	8	10	+2
20	Telupid	1	2	+1
21	Kota Belud	11	11	Mendatar
22	Tongod	0	0	Mendatar
23	Nabawan	0	0	Mendatar
24	Semporna	18	16	-2
25	Pitas	2	0	-2
26	Tawau	32	31	-1
27	Kalabakan	1	0	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>476</b>	<b>909</b>	<b>+433</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Sandakan	36	78	70	0	1	185	890
Penampang	0	74	38	0	3	115	518
Kota Kinabalu	0	40	56	0	5	101	800
Tuaran	1	58	26	0	1	86	578
Beaufort	0	28	29	0	0	57	299
Lahad Datu	1	20	34	0	2	57	159
Kota Marudu	32	16	5	0	0	53	265
Papar	0	25	10	0	1	36	241
Tawau	5	10	7	0	9	31	305
Ranau	14	2	11	0	3	30	207
Kuala Penyu	0	22	2	0	0	24	63
Putatan	0	14	6	0	2	22	197
Semporna	0	1	9	0	6	16	48
Kinabatangan	0	13	2	0	1	16	55
Beluran	0	9	7	0	0	16	31
Kota Belud	0	2	8	0	1	11	136
Kudat	0	2	7	0	2	11	45
Keningau	0	2	7	0	1	10	76
Tambunan	0	9	1	0	0	10	37
Kunak	0	5	4	0	0	9	42
Tenom	0	2	4	0	0	6	47
Sipitang	0	0	5	0	0	5	23
Telupid	0	0	2	0	0	2	27
Pitas	0	0	0	0	0	0	11
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	0
Nabawan	0	0	0	0	0	0	3
Tongod	0	0	0	0	0	0	2
<b>JUMLAH</b>	<b>89</b>	<b>432</b>	<b>350</b>	<b>0</b>	<b>38</b>	<b>909</b>	<b>5,105</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tuaran	Kluster Batu 24 Nabalu	1
Ranau	Kluster Puri Ranau	2
	Kluster Jalan Bypass Kologon	1
	Kluster Jalan Pendidikan Ranau	11
Lahad Datu	Kluster Jalan Terusan	1
Kota Marudu	Kluster Jalan Taman Beringin	19
	Kluster Jalan Tandek	13
Tawau	Kluster Jalan Apas Batu Lima	5
Sandakan	Kluster Sungai Batang Batu Sepuluh	36
<b>Jumlah</b>		<b>89</b>

6 Terdapat **empat (4) kluster baharu** direkodkan hari ini.

i **Kluster Jalan Tandek - Kota Marudu** melibatkan SMK Tandek 1 di daerah Kota Marudu. Kes indeks merupakan lelaki tempatan, 15, pelajar asrama di sekolah terbabit. Kes indeks yang mula bergejala sejak 15 Januari 2022, kemudiannya didapati positif RTK Antigen melalui saringan pada 17 Januari 2022. Saringan terhadap 43 rakan seasrama dan sekelas mendapati sebanyak 34 lagi kes positif menjadikan jumlah kumulatif bagi kluster jenis institusi pendidikan ini sebanyak 35 kes. Semua kes dilaporkan dalam kategori 1 dan 2 (bergejala ringan), telah diasingkan dan diberi rawatan selanjutnya.

- ii **Kluster Jalan Pendidikan Ranau - Ranau** merupakan kluster jenis institusi pendidikan melibatkan SMK Mat Salleh di daerah Ranau. Kes indeks adalah lelaki tempatan, 19, pelajar Tingkatan 6 di sekolah tersebut dikesan positif COVID-19 pada 31 Januari 2022 melalui ujian saringan kendiri, selepas mula bergejala sejak 29 Januari 2022 dan terus dikuarantin pada hari yang sama. Saringan terhadap 87 orang terdiri daripada rakan sebilik, seasrama serta rakan sekelas mendapat 24 lagi kes positif menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 25 kes. Semua pesakit dikategorikan dalam kategori 1 dan 2 (gejala ringan) , telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya.
- iii **Kluster Jalan Taman Beringin - Kota Marudu** juga kluster jenis institusi pendidikan melibatkan SMK Bandau. Kes indeks adalah pelajar perempuan, 17, yang menjalankan saringan COVID-19 pada 19 Januari 2022, sebelum menjalankan pemeriksaan di HQE2. Saringan COVID-19 pelajar tersebut didapati positif RT-PCR. Manakala, saringan ke atas 49 kontak rapat mendapat 24 lagi kes positif menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 25 kes termasuk 19 kes baharu hari ini terdiri daripada pelajar asrama, harian dan kakitangan sekolah. Semua kes di dalam kategori 1 dan 2 (bergejala ringan), telah diasingkan dan diberikan rawatan yang selanjutnya.
- iv **Kluster Sungai Batang Batu Sepuluh - Sandakan** melibatkan MRSM Tun Mohammad Fuad Stephens di daerah Sandakan. Kes indeks bagi kluster jenis institusi pendidikan ini dikesan melalui saringan bergejala pada 25 Januari 2022. Kes indeks adalah pelajar perempuan, 16, di sekolah berkenaan yang mula bergejala demam sejak 25 Januari 2022. Saringan terhadap 101 kontak rapat mendapat 49 lagi kes positif terdiri daripada pelajar asrama,harian,guru dan kontak keluarga menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 50 kes, termasuk 36 kes baharu hari ini. Semua kes telah dikategorikan dalam Kategori 1 dan 2 (bergejala ringan),diasingkan dan di berikan rawatan yang selanjutnya.

- 7 Jumlah kapasiti katil 3,773 unit
- Hospital 1,204 unit.
  - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,379 unit.
  - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
  - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 27.88%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 4 FEBRUARI 2022

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	904
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	2
Orang Dalam Tahanan /Banduan	3
<b>Jumlah</b>	<b>909</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	1
WP Labuan	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	875
Bukan Malaysia	34
<b>Jumlah</b>	<b>909</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	116
Belum Menerima Vaksin	72
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	593
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	128
<b>Jumlah</b>	<b>909</b>

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	11
1 to 5	41
6 to 11	64
12 to 17	128
18 to 25	138
26 to 59	453
>60	74
<b>Jumlah</b>	<b>909</b>

**C TATACARA PENUTUPAN SEKOLAH SEKIRANYA BERLAKU PENULARAN JANGKITAN COVID-19**

Berdasarkan kepada situasi semasa di Negeri Sabah, terdapat beberapa tindakan telah diputuskan melalui Mesyuarat Pengurusan Bencana Negeri Sabah COVID-19 untuk dilaksanakan segera seperti yang berikut:

- i Penutupan sekolah serta-merta selama tujuh (7) hari sekiranya terdapat sekurang-kurangnya dua (2) orang positif COVID-19 yang melibatkan satu (1) penularan dalaman dan telah disahkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dari kalangan pelajar / guru / kakitangan sekolah yang terbabit.
- ii Hanya pelajar yang akan menduduki peperiksaan utama sahaja dibenarkan pulang ke asrama (penuh/harian) bagi meneruskan sesi pembelajaran pada 07 Februari 2022.

## **D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 3 Februari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,478. Daripada jumlah ini, seramai 3,381 orang adalah penduduk dewasa, 67 orang adalah penduduk remaja 30 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 3 setakat 1 Februari 2022 adalah seramai 2,454,518 orang. Ini meliputi 2,117,136 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.75% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,410,566 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,097,587 orang atau 76.04% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,352 orang atau 77.73% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,978 atau 72.11% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 30 orang telah menerima dos vaksinasi mereka.

## **E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **680,074** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Satu (1) kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah oleh PDRM.
  - Satu (1) Orang : Pemilik Premis Gagal Patuhi Waktu Operasi.

- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 240 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 52 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Perikanan 1985.
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 855 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 269 premis perniagaan dan 307 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 286 Premis Perniagaan melibatkan 127 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan tiga (3) anggota di tiga (3) lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis, melibatkan lima (5) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 36 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 83 hebahan di seluruh Sabah.

**G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Beluran	98.3%
2	Kunak	98.2%
3	Semporna	98.2%
4	Sipitang	98.2%
5	Keningau	98.2%
6	Kota Belud	98.2%
7	Kudat	98.1%
8	Kinabatangan	98.1%
9	Kota Kinabalu	98%
10	Ranau	98%
11	Tenom	98%
12	Beaufort	97.9%
13	Kota Marudu	97.8%
14	Lahad Datu	97.8%
15	Tuaran	97.8%
16	Tawau	97.8%
17	Papar	97.8%
18	Sandakan	97.7%
19	Penampang	97.7%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**